7

Hell heritage

When the last tree in forest is already chopped down only the contens.

When, the voice of the bird has disappeard and can only be hear from cages and cassette tape

When, the rivers are contaminated with the waste of industry and can only in a single bottle

When, the world is already corrupted below the surface an destruction of weapon and war and the place we are standing is reduced to rubble

When all this happen because that means we have already sent our grandchildren to hell before the even arrived





KARYA

UNTUK HILANGKAN TEKANAN

KISAH ANAK

Ada kisah seorang anak yang diberi peluang untuk belajar di Amerika untuk dapatkan degree, tapi selepas 15 tahun, tak pernah lulus, akhirnya bapak dia dah tak sanggup lagi tanggung beban wang untuk anaknya itu, terpaksalah dia bawak balik ke Malaysia.

Sepanjang perjalanan dari airport ke rumah, bapaknya diam aje (marah la tu).

Si anak dah rasa tak best, so dia pun cari la idea untuk berbual & tunjuk pada bapak dia yang dia kat Amerika ada gain something la dgn pekembangan teknologi. So dia cakap dgn bapak dia:

Anak: Bapak tau tak, kat Amerika sekarang teknologi dah maju giler. Sekarang nak buat sosej tak payah nak sembelih lembu, buang kulit, masuk je lembu dalam machine, dah jadi sosej.....

Bapak: Itu teknologi dah lapuk. Kat Malaysia lagi advance. Aku 32 tahun dulu, masukkan sosej aje dah keluar lembu sekor... menyusahkan plak tu...

KISAH JURUJUAL DENGAN PETANI

Seorang jurujual sedang cuba memujuk seorang petani untuk membeli sebuah basikal yang dijualnya. Si petani menolak kerana tidak mahu membeli basikal. Akan tetapi jurujual nampaknya tidak mudah menyerah. .....

Petani: Daripada membeli basikal, lebih baik aku habiskan duitku untuk pelihara lembu.

Jurujual: Ah, tapi cuba pikir pakcik... Pakcik akan kelihatan terlalu bodoh jika pakcik pergi ke pekan dengan menunggang seekor lembu.

Petani: Huhh!! Adakah tidak lebih bodoh jika orang melihatku memerah susu seekor basikal!





ADA SUATU KISAH

Yang satu namanya Mugiler, yang lagi satu namanya Gado dan satu lagi namanya Oh tuck. Mereka ni berjalan-jalan di pekan. Tiba-tiba Gado hilang dari pandangan. Mugiler ni pegi balai polis sementara Oh Tuck tunggu di luar.....

Polis: boleh saya bantu?

Mugiler: saya nak cari Gado?

Polis: mu gila ker?

Mugiler: memang betul, maner encik tahu?

Polis: Otak kat ner?

Mugiler: Kat luar...

Polis: %&*$35^4...



EDITORIAL

GELAP GELITA PERJALANAN TANPA CAHAYA

Assalamualaikum dan salam sejahtera aku ucapkan kepada kawan-kawan yang sudi membeli, mencuri, meminjam dan terus membaca naskah ini. Diharapkan agar semuanya berada dalam kondisi yang begitu menyenangkan hendaknya diterangi cahaya-cahaya kegembiraan kehidupan. Tidak kira di mana jua kamu berada, di tengah hiruk pikuk kota, di keheningan desa, timur atau barat, aku harapkan segala-galanya berjalan baik! Aku tidak tahu di mana harus aku mulai, tidak tahu apa yang harus aku catitkan kerana otak ini terlalu gelap untuk diterokai. Walau apapun, bedal sudah! Hehe.

Kondisi aku saat ini boleh dikatakan agak parah kerana tiada sumber kewangan. Lebih memeritkan segala projek dan aktivitas terbantut tumbesarannya. Semuanya memerlukan duit. Lebih kurang 3 bulan lalu, aku mengambil keputusan untuk berhenti dari tempat belajar (animasi) kerana sudah tidak tahan dengan kerenah syarikat itu. Terlalu banyak masalahi, terlalu banyak korupsi, terlalu banyak diskriminasi dan terlalu banyak polisi. Ianya terlalu merimaskan aku. Elaun yang sepatutnya aku dapat tiap-tiap bulan adalah rm600.

Bulan-bulan terakhir elaun aku dipotong rm160 dua bulan berturut-turut. Aku pun pelik dan aku pun terjah masuk ke pejabat untuk dapatkan kepastian. Jawapan yang aku perolehi adalah seperti yang diduga: 'saya tidak tahu menahu pasal elaun ni, bukan kami yang uruskan'. Aku di dalam dilemma. Macam cerita cintan cintun gitu. Setelah pemotongan tanpa sebab ini berlarutan selama dua bulan, aku pun terus ambil keputusan, berhenti sebelum masanya. Masuk kelas pun bukan ada kerja, minum kopi, sembang-sembang, cuit-cuit, gusti menggusti dan sebagainya. Itulah rutin harian aku. Kalau ada kerja pun, sibuk la seminggu. Lepas tu rilek la sebulan atau dua bulan.

Kadang-kadang aku biasa dengar lagu. Ikut pada mood aku hari tu. Banyak sangat lagu dalam computer aku. Aku pun tak sempat nak ambik semua sebelum aku keluar dari 'tempat percutian' itu. Pendrive pun 1 gigabyte je. Cerita, animasi, lagu dalam computer dalam kelas melebihi 10 gigabyte. Mana cukup. Kalau 20 giga, lebih dari cukup. Orang pun boleh sumbat kat dalam tu.

Tapi pendrive parid lagi old skool, 256 megabyte. "Mana ada orang pakai dah sekarang, rare" kata parid dengan lubang hidung yang sengaja dikembangkan. Hari tu dia cakap nak jual, tapi ada ke orang nak beli? huahaha. Sesiapa yang rasa kental, nak beli, konteklah dia.

Motor dia lagi power. Letak je kat mana-mana pun, memang takde orang nak curi. Clutch takde, bunyi macam kereta kebal, minyak hitam kering kontang, Tayar pancit seminggu sekali, cover bergegar-gegar bagai nak rak, spoket dah hilang ketajaman, kelajuan maksimum 30 km/j dan sebagainya. Tapi motor tu dah banyak berjasa. Tiap-tiap hari pakai motor tu. Kalau takde motor tu, memang patah kaki. Memang tak boleh bergerak. Memang takkan ada lagi orang yang boleh hantar aku naik bas. Memang tak boleh lepak dan sebagainya. Terima kasih motor plate TAJ .....harap-harap lepas ni nasib motor tu akan lebih terbela. Hehe.

Gelap gelita perjalanan tanpa cahaya. Itu lah yang dapat aku gambarkan tentang hidup aku lewat ini. Tiada tanda-tanda kemajuan dapat dicapai. Hilang arah cahaya. Hilang punca (macam nama zine je..hehe). hilang arah tuju. Dunia sekarang hendak atau tidak, kita perlu berkompromi dengan wang walaupun sedikit. Itu realitinya. Tapi jangan pula bertuhankan wang. Bertuhankan wang, butalah jadinya. Semakin gelap dunia. Semakin parah jadinya.

Gelap semacam keadaan aku sekarang. Bergelap untuk bumi dan sekarang aku tengah.....menaip di dalam gelap. Yeah! Sekarang earth hour! Hehe. Aku baru je tutup-tutup lampu yang bercahaya dalam rumah ni. Kalau lampu tak bercahaya, buat apa tutup. Bodoh. Siapa la yang tanya soalan bodoh macam tu masa kat kedai semalam. Apa punya soalan daaa..tapi mungkin juga si polan itu mempunyai maksud lain. Lampu yang bercahaya itu mungkin maksudnya bulan dan bintang. Bulan dan bintang nak padam macam mana kan. Soalan ni lagi la bodoh dari soalan tadi. Kalau bulan dan bintang gelap, hilanglah keasyikan dan keindahan malam. Nanti aku nak cari siapa yang bertanya tu dan cili mulut dia. Weh, aku nak keluar lah kejap. Nak tengok keadaan sekeliling dan menghayati malam tanpa cahaya neon ini.



Mintak maaf sangat sebab aku tak dapat sambung bebelan aku semalam. Lepas je aku keluar, aku pergi ronda satu kampung. Lepas tu pergi cari minah tersayang yang bergelap dengan family ayie. Seronok, layan gelap dengan cahaya lilin banyak-banyak. Kami pakai lilin kecik je. Lilin kek hari jadi tu. Angin masa tu sepoi-sepoi bahasa membelai pipi, memeluk tubuh dan meremangkan bulu kaki. Bulu ketiak tetap terpacak. Semalam bumi bergelap. Sebenarnya, tak delah gelap sangat.

Tepat jam lapan setengah malam waktu malaysia kelihatan beberapa lampu dimatikan. Ada juga yang mematikan lampu dengan lebih awal dan ada juga yang lewat. Apakah tujuan mereka mematikan lampu ini. Adakah hendak keluar rumah pada malam hari atau sekadar menyahut seruan kerajaan? Bagi mereka yang tidak tahu mengapa mereka mematikan lampu selama sejam ini adalah bagi tujuan untuk menunjukkan sokongan bahawa mereka menyokong usaha menyayangi dan menyelamatkan dunia dari pemanasan global.



Bukan semua yang support earth hour ni. Aku walaupun tak terpilih mewakili khidmat Negara, aku tetap jugak support earth hour. Orang lain? Huhu.Tapi tahap pencapaian boleh dibanggakan. Kat kampung aku semalam, banyak rumah yang bergelap. Ada yang terpancar cahaya televisyen, cahaya lilin dan cahaya lighter. Cahaya mata kucing pun ada jugak. Haha. Ada yang buka satu lampu je. Ada juga yang tak tutup terus. Terang benderang semacam ada pesta. Ada yang ambil peduli, ada yang menulikan telinga, membutakan hati dan tinggi diri.

Kalau ikut laporan siasatan dari rondaan aku semalam, apa yang aku dapat lihat, ramai yang bekerjasama bersatu hati memelihara bumi. Kebanyakkan dari rumah-rumah orang yang boleh dikatakan miskin bergemerlapan dengan cahaya. Terang tang-tang-tang. Tapi tidak lah semua. Mungkin di sebabkan oleh banyak faktor. Itu hak masing-masing. Ego tinggi. Hidung mendongak langit. Merasakan dia itu kaya. Merasakan dia hanya hidup seorang sahaja di atas bumi ini. Atau mungkin juga ada faktor lain. Mungkin tengah melakukan kerja yang memerlukan cahaya, atau sebagainya. Kesimpulan di sini yang aku boleh buat adalah mungkin. Haha.

Seminggu sebelum ni, wakkang dah send sms melalui telefon bimbit aku yang bertulis, 28hb ni hari bumi. Waktu itu aku agak teruja dan terus memikirkan apa aktiviti yang mungkin boleh dilakukan. Kebetulan pula, di kaca televisi terpampang iklan berkenaan dengan earth hour ini. Aku semakin tertarik dan lanya menarik aku untuk tahu lebih lanjut tentang aktiviti ini.

Akhirnya aku faham akan apa itu earth hour setelah membuat flyer berkenaan dengan earth hour untuk HFC. Apa itu earth hour, apa yang perlu kita buat, bagaimana implikasinya dan sebagainya. Kat bawah ni ada aku letakkan hasil karya aku itu. Mahakarya cinta. Haha.

Pada mulanya, aku ada bagi idea kepada HFC untuk buat candle light pada malam tu. Aku dapat bayangkan keadaan malam itu. Semua duduk beramai-ramai kat suatu tempat, menyalakan lilin, pegang propaganda, spread flyers kepada orang awam, bertafakur dan sebagainya.

Perasaan masa tu menjadi semakin geram dan tak sabar-sabar. Maklumlah, HFC tak pernah lagi buat candle light. Aku sebenarnya mengidam-idamkan suasana sebegitu. Berkumpul ramai-ramai berdiskusi dalam suasana gelap dengan hanya berpandukan cahaya lilin. Betapa romantiknya dan betapa nikmatnya hidup. Aku pun tak fikir panjang, terus beli tiket ke kemaman pada hari rabu. Kebiasaannya aku balik pada hari khamis. Semangat punya pasal, balik awal sehari dari kebiasaannya.

Petang sabtu hari kejadian, aku dimaklumkan yang aktiviti candle light mungkin dibatalkan kerana tiada seorang pun yang berkelapangan masa. Adalah seorang dua. Masa tu semangat aku dah down macam buah pisang kena pijak dengan kaki. Sekali lagi hidup aku gelap gelita. Hahahaha. Tertekan la. Nak buat sorang-sorang, baik tak payah. Baik aku bergelap dalam bilik je. Damn!

Ok, logically, promosi menutup lampu dijalankan kerana mahu mengurangkan penggunaan elektrik selama sejam. Dan lampu juga menukarkan tenaga cahaya kepada tenaga haba. oleh itu, penutupan lampu selama sejam adalah untuk mengurangkan pembebasan haba ke bumi. antara lampu kalimantan dan lampu yg bercahaya kuning, kalimantan lebih menjimatkan elektrik dan kurang membebaskan haba berbanding lampu kuning. jelasnya, lampu kuning tampak elegen kerana cahayanya suram tetapi ia sangat panas.

Selain itu, kos elekktrik pun dapat dikurangkan. Kan jimat tu namanya. Tumbuh-tumbuhan, haiwan-haiwan dan alam sekitar akan bergembira kerana bumi bertambah sejuk dari sediakala. Maksud yang lebih tepat ialah untuk mengatasi perubahan iklim sedunia yang makin panas.



KESIHATAN

TURUNKAN BERAT BADAN DAN KENCING MALAM

MENURUNKAN BERAT BADAN

Jika anda mengalami berat badan yang berlebihan, air limau nipis yang anda minum boleh menurunkan berat badan anda.

Caranya : sediakan dua biji limau nipis atau limau kasturi setiap hari, setelah itu perah airnya ke dalam gelas yang berisi dengan air sejuk, masukkan ke dalam peti sejuk. Setelah itu bolehlah dijadikan air mnuman setiap kali selepas anda makan tengah hari dan makan malam.

Cara ini boleh diikuti dengan senaman ringan. Amalkan meminumnya selama sebulan, berat badan anda akan beransur turun.



MENGHILANGKAN KEDUT

Wanita yang sudah berumur biasanya sangat takut kelihatan tua. Terutamanya di bahagian muka, kerana muka adalah bahagian yang mula-mula menjdi tumpuan pandangan seseorang. Bagaimanakah caranya untuk menghilangkan kedut-kedut yang mula berjinak-jinak di muka anda? Sebenarnya tidak sukar menghilangkan kedut-kedut di muka asalkan anda rajin melakukannya. Ambillah sebiji lobak merah. Parut hingga hancur. Kemudian ambil satu sudu tepung jagung dan sebiji kuning telur. Campurkan semua ramuan itu dan kacau hingga sebati. Sapukan di tempat yang berkedut itu. Biarkan selama 20 minit, barulah dibasuh dengan air bersih. Lakukan selalu, Insya-Allah wajah anda kelihatan berseri dan kedut-kedut yang mula bertapak itu akan menghilang.

UBATI SAKIT DADA

Ambil beberapa ulas halia. Tumbuk hingga lumat dan perahkan airnya. Ambil satu biji telur ayam kampung. Keluarkan kuningnya sahaja. Campurkan bersama madu lebah tulin. Kacau rata-rata dan minum setiap pagi sebelum sarapan.

ELAK KENCING MALAM UNTUK ANAK KECIL



Perahkan sedikit air lemon di atas sesudu kecl madu lebah dan terus hirup. Amalkannya disebelah pagi dan sebelum masuk tidur. Mudah-mudahan, anak kecil anda akan berhenti kencing malam atau setidak-tidaknya dapat mengurangkan jumlah dia buang air kecil.



Our main business was agreeing a collective postion on the capitalist crisis and resistance to it. I'd submitted a 3600 word draft and another similar length alternative had been submitted as well as a few hundred words in amendments. Fortunatly us submitters of the main texts sat down over lunch and managed to cut the number of bits opposed to each other way down and so focus in on those where there were some genuine disagreements. This meant the discussion was a lot more political then I had feared, the danger otherwise is that we'd have got bogged down in a discussion of procedure.

National Conference has become a lot more functional despite growing attendence in the last few years because we've increasingly followed a set of standing orders that prevents us doing silly things like making up the wording of amendments on the spot. Insisting anything more than a deletion proposal is submitted in writing in advance makes the decision making process flow a lot smoother even if it also means the frustration of not being able to 'fix' stuff up on the spot. We do end up raising standing orders from time to time but a lot of the time that ends up being very messy, this weekend though the 4 or so times it happened worked out OK.

Other stuff that was debated included our position paper on The Partition of Ireland, a conference favourite that probably gets onto the agenda at least 2 conferences out of 3. We also returned to the question of national decision making structures as defined in the WSM constitution and in particular the tricky task of balancing the requirement for emergency decision making against the accountibility of those who are given this power. A range of other motions dealt with the internet, our newspaper, the process of generating collective policy and OKing the spending of money on various things. I'll hold off on any specific details until the official report goes up and the position papers themselves get updated.

I often wonder what new members make of the process (I often ask them as well but generally get the sense that the answer you get is more polite than critical). I suspect the process comes across as too bureaucratic (its very formal) and it's really only over time that you come to appreciate it. It is quite effective, we probably collectively generated / amended something approaching 8000 words over the weekend. But the usefulness of the whole process is also bringing members from different branches and cities together in the informal drinking and eating together in the evenings. We have various methods of online communication but I find these face to face meet ups are very valuable in ironing out the tensions that can arise during online disagrements.

OUT NOW!!!



GERM ATTAK, Rilisan terbaru dari Canadian raw punk. Seratus peratus macam Uk classic punk-era. Contoh macam CHAOS UK dan UK/DK gitu. WARDOGS pula adalah band pertama Malaysia memainkan muzik noisecore punk style. Ini adalah EP pertama yang diriliskan dalam kaset. Banyak influence dari classic Japanese noisecore band like CONFUSE. Kedua-dua kaset ni diriliskan oleh BLACK KONFLIK REC. sila kontek saudara aizu yang sekarang mungkin tengah pacah kepala exam final. Haha. RM 8 je sekeping. myspace.com/black_konflikrecs

ATTENTION!!

Ini adalah panggilan terakhir untuk mana-mana band terengganu yang setuju untuk join kompilasi bolok wok 4, sila hantar lagu, lirik, list nama, alamat kepada corerockmoon@gmail.com

ISSUE 2!!!

INSTANT fanzine sudah beredar. Fanzine ini lebih kepada muzik crust fanzine. Banyak interview di dalam bersama aghast dan lain-lain. Konek parid bewok di 0199930717

UPCOMING GIG!



Ada juga suara-suara garau terlekat tulang ikan yang mengeluarkan soalan-soalan yang tidak sepatutnya dikeluarkan oleh orang yang berakal. Ada yang aku bagi jawapan direct dan ada juga yang aku jawabnya di dalam hati. Bagi aku, semua soalan di atas dunia ni ada jawapan dia. Kita yang berakal haruslah guna otak yang ada untuk berfikir. Contoh, kalau takut berlaku jenayah rompak dirumah, janganlah tutup semua lampu. Buka lah satu atau dua lampu dan pastikan semua pintu berkunci.

Contoh lagi? Bagaimana kalau kadar kemalangan jalan raya meningkat jika lampu isyarat dan lampu kereta dipadamkan? Bodohnya. Kerajaan takkan buat macam tu sebab memang boleh membahayakan orang ramai. Kalau nak cerita pasal earth hour ni memang panjang. Menda ni senang je, kita kena minimize atau kurangkan penggunaan lampu je. Bukan tutup semua pun. Kurangkan penggunaannya pun dah ok sebenarnya.

Pemanasan global bukan satu isu yang baru. Malahan ramai yang sudah tahu apa itu pemanasan global malahan juga tahu mengapa ianya berlaku. Lihat sahaja hari ini. Lihat sahaja sekeliling kita. Berapa banyak pencemaran berlaku di sekeliling. Tolak sahaja pencemaran bunyi yang datang dari mulut-mulut wanita terdekat anda. Pot..pet..pot..pet. Masih banyak lagi pencemaran yang boleh dikira. Jikalau ikut logik akal, pencemar (orang yang buat pencemaran lah, bongok) lebih ramai dari pencegah. Betul atau tidak?

Usaha mengatasi krisis pemanasan global tidak harus bergantung kepada satu pihak sahaja. Takkan nak harapkan WWF je kan? Kesian river foo dan kawan-kawan WWF dia. Usaha ini haruslah terus berterusan dan dijalankan dengan melibatkan semua orang. Semua orang di sini bermaksud semua manusia yang berakal yang tinggal atas bumi. Alien itu sudah diluar lingkungan bumi.

Beribu-ribu kilang didirikan di Negara-negara maju yang hanya menyumbangkan ke arah pemanasan global. Tetapi kesannya sama rata dirasai oleh semua orang dalam dunia termasuk rakyat negara seperti indonesia, kemboja, burma, filipina, atau laos yang kurang kemajuan, juga merasakan kesan buruk. Aktiviti-aktiviti pemanasan global ini sebenarnya hanya menguntungkan sesetengah pihak. Sesetengah lagi hanya merempat sengsara.



Bercakap tentang global kita kena berfikir secara global lah. Fikir secara meluas. Jangan hanya fikir mengenai haiwan yang sudah berkurangan, lapisan ozon semakin nipis, pencemaran, dan sebagainya. Tetapi ianya harus menyeluruh sekaligus merungkai tentang akar (bukan din akar!) permasalahan ini. Antaranya, sifat ketamakan manusia itu sendiri, sistem kolonial dengan mengusai negara yang lain dan sebagainya.

Ramai dari rakyat Malaysia juga peka terhadap isu semasa sebenarnya. Tetapi isu yang membazirkan masa. Mereka hanyut dengan isu mawi mahu kawin tapi belum bersunat, erra dapat anak, siti dengan datuk K nak masuk parti pas, cho kawin lari, akademi pantat asia dan berbagai lagi. Mereka hanyut dan terus hanyut dibelai media massa sedangkan kiamat sudah di depan mata!

Apa lagi yang aku nak tulis ek? Ok. Bercakap mengenai zine ini, tidak ada apa-apa perubahan yang ketara berbanding dengan isu sebelumnya. Masih sama, masih samara-samar, masih boring, masih muram dan mungkin makin masam! Semuanya bergantung kepada undian sms anda. Haha. Cepat-cepat bazirkan duit titik peluh anda untuk orang lain. Cepat-cepat sebelum kamu menjadi lebih miskin.

2 3 menjak sebelum ini, hidup aku sering dikunjungi oleh pelbagai zine hasil dari kerajinan went meng'order' zine. Terlalu banyak sampai aku pun tak cukup duit nak bayar. Sekarang dia sudah melanjutkan pelajarannya ke uitm shah alam. Jadi kehadiran zine dalam hidup aku semakin berkurangan. Akhirnya cho menjadi hero! Menjadi semakin aktif. Semakin gersang dan rajin. Cho telah membuka sebuah distro untuk zine sahaja yang diberi nama Pustaka Radikal Distro. Jadi kepada sesiapa yang ada zine untuk di jual secara pukal, boleh la kontek dia.

Hari tu si cho hamprak ada bagi aku sebuah zine. Aku pun ambik la. Balik rumah, landing atas tilam dan terus malayari isi kandungan zine tersebut. Tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya. Aku tidak tahu apa yang ingin di sampaikan oleh si tuan punya zine. Editornya kalau enggak silap, 2 orang. Lelaki dan perempuan.

Isinya lebih kepada mengangkat scene sendiri. Angkat bakul sendiri la. Mengangkat scene yang kononnya 'hardcore' dan 'punk'. Buat apa buat zine kalau hanya nak membangga-banggakan scene? nak tunjuk kat orang yang scene kamu itu besar? Nak menunjuk belang atau taring? Nak menunjukkan yang scene kamu itu unite dibawah satu bumbung, bercampur aduk dengan rasisme, fasisme, homophobia dan segala bentuk elemen negatif lain? Adakah ingin menunjukkan yang kamu itu seorang underground sejati? Adakah untuk meraih publisiti dan populariti? Mana tuah, mana jebat? Membazir kertas lah bos!

Tetapi ok jugaklah. Sekurang-kurangnya dia buat sesuatu untuk scene. Daripada sekadar berfesyen masa gig, daripada sekadar kutuk orang, daripada main pil kuda, batu kuda ke, baik buat zine kan? Timbulkan satu minat untuk membuat sesuatu dan kamu berhak seratus peratus ke atasnya. Semaikan benih suka membaca di dalam scene kita ni.

Apa itu zine sebenarnya? Mungkin aku dan ada sesetangah yang masih kabur lagi pasal zine. Jadi, mari kita sama-sama berlajar tentang apa itu zine. Apa yang aku tulis nanti telah dirujuk dari pelbagai medium termasuk dari pengalaman aku sendiri. Aku cedok, aku penyek, aku sental, aku uli, aku tending, aku gaul, menjadi satu adunan.



Tahukah anda bahawa kemunculan fanzine pada awalnya tiada kaitan langsung dengan dunia muzik underground? Hanya memerlukan gam, gunting, kertas, pensil serta berjuta kreativiti untuk membuatnya. Owh, lupa pulak, juga sedikit wang untuk proses fotokopi. Hehe. Dibentuk oleh sejarah panjang media alternatif Amerika, fanzine sebagai sebuah bentuk media lahir di awal tahun 1930an. Pada waktu itu para penggemar 'science fiction', secara berkumpulan, mulai membuat sesuatu yang mereka sebut sebagai fanzine. Dengan fanzine ini mereka boleh saling bertukar-tukar cerita, pendapat, idea dan sebagai medium berkomunikasi. Masa tu aku rasa takde telefon lagi agaknya. Haha.

Tetapi ada satu perkara yang best untuk dikongsi bersama di sini. Kamu semua tahu tak orang-orang yang kreatif membuat zine di amerika waktu tu adalah orang-orang kita panggil ulat buku. Atau dengan bahasa santai, 'budak skema'. Mereka ni merayakan kehidupan mereka yang seringkali diwarnai kisah-kisah sedihnya dihina, di caci, dilukai, bahkan ditindas oleh masyarakat sekeliling. Mereka membuat segala sesuatu yang tak pernah mereka tunjukkan secara terang-terangan pada orang lain. Aku rasa mungkin itu salah satu cara mereka meluahkan perasaan. Menulis, menulis dan terus menulis.

Awal tahun 1970-an (lebih kurang 40 tahun), pengaruh-prngaruh besar kepada fanzine tercetus pada saat gelombang British Invasion merebak. Fenomena ini bukan sahaja menyerang amerika, bahkan satu dunia. Masa ni aku belum lagi lahir ke bumi. lanya memjadi satu revolusi besar pada budaya muda-mudi zaman itu. Pengaruh ini jelas-jelas membuat mereka melawan arus mainstream dengan mulai membuat fanzine tentang 'agama' baru mereka tersebut, musik dan gaya hidup.

Bercakap mengenai zine ni, mula-mulanya kita harus membicarakan tentang 'kesusasteraan alternatif' atau 'alternative literature' atau lebih tepat sebagai 'media alternatif'. Literature alternative menurut Chris Atton muncul akibat ketidakpuashatian ke atas media-media yang





bersifat homogen, meskipun di zaman moden ni informasi dapat disalurkan dengan cepat. Informasi-informasi ini disebarkan melalui pelbagai medium seperti televisyen, radio, satelit dan macam-macam lagi. Tapi semuanya bersifat homogen.

Homogen daripada kamus dewan bermaksud terdiri daripada bahagian yang sama atau sejenis. Jadi semua media adalah sama masa itu yang hanya membahaskan tajuk-tajuk panas, mengikut trend, permintaan pasaran dan ianya tidak lebih dari itu. Meluahkan suara hati, perasaan, ketidakpuashatian, terhadap sesuatu di'tanam'kan di dalam satu media tanpa mengikuti telunjuk orang lain adalah basis kepada penerbitan alternative ini. Interpretasinya sederhana, ianya adalah bentuk perayaan kebebasan berekspresi dalam sebuah media. Semua intinya bergantung kepada si penerbit. Orang terengganu cakap 'atah pale mu blake'.

Selain itu, sang editor pada masa itu juga harus jujur dalam berkarya, mementingkan idea bukan keuntungan dan topik yang dibahas harus berfokus pada 'tanggungjawab sosial, atau ekspresi kreatif atau kedua-duanya. Dan yang terakhir cukup bila sang penerbit mendefinisikan dirinya penerbit alternative. (Chris Atton, alternative literature : A Practical Guide For Librarians)

Media alternative ini cukup heterogen, bermaksud berbagai jenis. Ada yang mengkritik tema-tema mainstream yang mana banyak mengiklankan kepentingan-kepentingan pemerintah dan kaum pemodal. Ada juga yang menawarkan metode atau kaedah pembelajaran untuk mendidik dan mengembangkan aktivisme dalam seluruh aspek kehidupan kita.

Dan bagi aku sendiri, kesemua kesusasteraan alternative termasuk fanzine haruslah menggunakan ruang secukupnya di dalam itu untuk mengisi segala macam ilmu-ilmu untuk perubahan sosial bersama. Isi di dalamnya harus bersifat positif dan membina. Kebanyakan editor-editor kesusasteraan alternatif bersifat 'anti-copyright' dan mereka mahukan idea-idea non-ortodoks yang terpinggir mereka itu pergi seluas mungkin dan kepada semua orang. Ada yang mengatakan bahawa idea adalah milik semua orang dan bukan nya sesuatu yang boleh dijual beli untuk keuntungan.



INFORMASI JALANAN

Tutup TV seminggu cari peluang riadah baru : Fomca

Mari menutup televisyan dan meluangkan masa bersama anak-anak beriadah bermula hari ini sehingga 27 April. Gabungan Persatuan Penguna-Penguna Malaysia (Fomca) menganjurkan proram kesedaran "Minggu tidak Menonton Televisyen" bermula hari ini dan barakhir Ahad ini bertujuan untuk menggalakan ibubapa supaya menghabiskan masa bersama anak-anak dengan membuat pelbagai perkara lain sebagai alternatif kepada terlalu taksub tenga rangcangan TV. Tujuan program kesedaran ini adalah untuk memberi alternatif dan kesempatan bagi meraka yang selama ini hanya membiarkan anak-anak terlalu taksub dengan rangcangan TV sehingga tiada hubungan komunikasi diantara ibubapa dan anak-anak. Kempen tahunan yang telah dianjurkan semenjak 1995 ini bertujuan untuk mengalakkan para ibu bapa untuk menutup televisyen mereka di rumah dan menghabiskan masa bersama-sama anak-anak dengan membuat perkara-perkara lain.

Dua minggu lagi Suakam bakal turun taraf jika tidak memenuhi syarat Dasar Paris

KUALA LUMPUR, 21 April (SK) : Jawatankuasa Penyelaras Antarabangsa Institusi bagi Mempromosikan dan Melindungi Hak Asasi Manusia (ICC) mahu kebebasan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) diperkukuhkan dengan menggariskan secara telus dan jelas berhubung proses perlantikan dan pemecatan dalam akta Suruhanjaya berkenaan.

Pengerusi Suhakam Abu Talib Othman berkata kerajaan hanya ada kurang dua minggu untuk memastikan Suruhanjaya itu memenuhi syarat Dasar Paris untuk mengelak dari diturun taraf.

Beliau juga merasa tidak berpuas hati dengan penambahbaikan Kerajaan terhadap Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) setakat ini kerana, jika penurunan taraf dikenakan terhadap Suhakam, maka ia akan dilucutkan keahlian pada Forum Asia-Pasifik dan kedudukannya jatuh ketahap ahli biasa tanpa hak mengundi bererti negara kita sama kedudukan dengan negara-negara ketiga lain.

Susulan dari surat tunjuk sebab yang di terima Suhakam daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengikut Dasar Paris pada bulan Jun tahun lalu jika tidak memenuhi syarat Hak Asasi Manusia diterimapakai mengikut Dasar Paris akan menurunkan dari taraf A ke taraf lebih rendah

Tahun lalu Suhakam telah menerima surat tunjuk sebab dari PBB supaya memenuhi syarat yang ditetapkan Dasar Paris dengan lebih peka dan teliti dalam menangani kes hak asasi manusia mengikut syarat yang ditetapkan. Jawatankuasa kecil Akriditasi (ACC) yang dianggotai Jerman, kanada, Maghribi dan Korea Selatan berpendapat bahawa pindaan Akta Suhakam 2009 yang diluluskan Dewan Rakwat sehari sebelum semakan Suhakam dibuat di Geneva pada 26 Mac lalu tidak memadai.

Dasar Paris menetapkan gabungan panduan yang diterimapakai PBB pada 1993 berhubung status dan operasi Institusi Hak Asasi Manusia Kebagsaan (HNRI) negara tertentu.

(en) Ireland, WSM national conference Spring 2009

We had the Workers Solidarity Movement national conference over the weekend in Dublin which meant hours spent inside while the sun was out debating and voting on motions and then hours spent outside when it was dark downing pint after pint of the black stuff. Which makes for the sort of weekend that come Monday you need a weekend to recover.



Massa-Kritikal



Massa Kritikal adalah
acara yg biasanya diadakan
pada hari Jumaat terakhir setiap bulan
di banyak tempat seluruh dunia di mana pengguna
basikal dan kadangkala pengguna skateboard, kasut
beroda atau apa sahaja bentuk pengangkutan tanpa enjin keluar
beramai-ramai mengambil alih jalanraya. Aktiviti ini dilakukan
untuk menarik perhatian orang ramai bekapa kebanyakan bandar-
bandar di seluruh dunia tidak mesra terhadap pengguna basikal. Di
Malaysia terutama Kuala Lumpur, acara ini turut di sambut pada
setiap Jumaat minggu terakhir setiap bulan, pukul 6 petang
bermula di Central Market Annexe. Datang beramai-ramai sertai
keriangan berbasikal bersama rakan-rakan anda. Untuk
keterangan lanjut, anda boleh menghantar email kepada kami di:-

massakritikal@gmail.com
atau layari laman ini
massa-kritikal.blogspot.com



Yeah! Di sini kita sudah faham yang mana ilmu adalah untuk semua orang dan ilmu itu tidak harus dijual. Ilmu harus dibajak dengan sebanyak yang mungkin. Tidak salah untuk membajaknya cuma bagi aku, ianya perlu keizinan dari sang editor. Kita juga harus hormat kepada si penulis atau penerbit kerana itu adalah hasil usaha titik peluh mereka. Tapi tidak lah salah juga kalau kita membelinya terus dari si editor jika harganya tidaklah terlalu mahal dan berpadanan dengan kuantiti dan kualiti.

Seperti yang telah disebutkan tadi, kesusasteraan alternative bersifat heterogen atau pelbagai dan kepelbagaian itu banyak wujud dari kesusasteraan alternative seperti pamphlet, newsletter, buku-buku dan yang paling terkenal adalah zine. Perkataan zine ini adalah berasal dari istilah fanzine, merupakan singkatan daripada 'fan magazine'.

Aku juga ada terjumpa satu artikel di mana mengatakan yang fanzine dan zine itu adalah lain. Di sini aku letakkan sebahagian dari artikel tersebut.

"*Fanzine* adalah kategori tertua dari *zine*, sehingga banyak orang menyebut *zine* sama dengan *fanzine*. Namun secara sederhana *fanzine* adalah: publikasi atau media untuk mendiskusikan nuansa berbagai kultur dalam sebuah media komunikasi alternatif,beberapa pengelompokannya antara lain: *zine* fiksi ilmiah, musik, olahraga, televisi, dan film horror, yang lainnya berada di luar pengelompokan tadi. Sedangkan zine politis lalu dibagi lagi dengan P besar dan p kecil, dimana di dalamnya terdapat personal atau *perzine*, *zine scene*, *zine network*, *zine* kultur horror dan luar angkasa, *zine* kesehatan, *zine* agama dan kepercayaan, *zine* seks, *zine traveling*, *zine* sastra, *zine* seni serta masih banyak lagi pengelompokan *zine* yang lainnya".



Aku sebenarnya tak berapa suka dengan perkataan fan / peminat sebab kalau guna perkataan tu rasa macam rockstar pulak. Padahal ianya tak lah seberapa. Sebab itu lah aku tukar fanzine jadi friendzine. Haha. (sebenarnya, saje je ni nak buat kelainan :p) haha. Cuba lihat kat muka depan J

Terdapat berbagai macam jenis fanzine dan semuanya bergantung kepada si editor mahu isi apa untuk zinenya. Ada personil zine yang mana banyak membahaskan tentang kehidupan seputarnya, sedikit curahan hati yang mungkin menarik perhatiannya. Political zine pula berkisar tentang masalah-masalah politik dan berpuluh-puluh zine yang lain yang membahaskan dan memamerkan tentang seni, komunitas tertentu atau campur aduk berbagaik subjek.

Satu fenomena lagi muncul di dunia zine ialah 'e-zine'. e-zine ini adalah di mana si editor menyebarkan informasi melalui internet. Dan kalau kita lihat, ramai dah yang buat blog ni. Ada diantara mereka yang dahulunya membuat fanzine, lantas mengtranformasikan kepada e-zine. mungkin si editor lebih selesa begitu atau cara penyampaian lebih cepat dan efisyen. Bagi aku, aku selesa dengan membaca fanzine sebab aku kurang selesa duduk lama mengadap computer. Duduk lama-lama boleh pitam dan mata berpusing-pusing. Kalau nak tengok aku pengsan sekali dengan muntah hijau, boleh la ajak aku main counter strike. Game tu dah lah memeningkan, cahaya dari monitor pulak boleh buat aku pakai cermin mata. Nanti setiap masa kena tambah power. Lama kelamaan kanta mata dah tebal 1 inci. Mau terkehel telinga aku nanti. Haha. Aku dah start mengarut dah. . Fanzine ni senang bagi aku bawa ke mana-mana sahaja. Sebelum tidur boleh baca, sambil bercucuk tanam pun boleh baca, nak berak pun boleh baca. Semuanya bergantung kepada keselesaan diri masing-masing. Owh, kamu rasa zine aku ini tergolong dalam kelompok zine yang mana? Siapa yang jawab cepat akan dapat hadiah. Angkat tangan cepat!!

Sekarang cukup banyak zine-zine yang wujud atas muka bumi ini dengan pelbagai jenis dan informasi berguna. Ada juga yang mutunya dan hasilnya sama dengan magazine dan buku-buku mainstream. Bagi aku ianya adalah satu evolusi atau transformasi yang baik. Harganya juga tidaklah terlalu mahal. Ada juga editor yang up to date menaip macam aku ni, dan masih ada lagi yang menulis. Sama ada pakai tangan atau pun kaki, aku pun tak tahu. Tapi respek!



Apa cara sekali pun yang kamu buat, kamu harus tahu yang fanzine atau zine ini tidak ada standard khusus. Hentam kromo jelah. Haha. Itulah sebenarnya keistimewaan zine ni. Dan yang lebih penting adalah inti zine itu sendiri. Si editor haruslah menggunakan ruang-ruang kecil di dalamnya dengan sebijak-bijaknya. Jadikan ruang yang kecil itu sebagai satu ruang yang mampat dengan informasi berguna. Kalau tidak, kamu hanya mensia-siakan pokok-pokok yang telah ditebang untuk membuat kertas tu.

Bagi aku zine ni adalah sesuatu yang non profit, non hirarki, non komersil dan sebuah 'majalah' bersirkulasi kecil yang dibuat, ditulis, dicetak, serta diedarkan sendiri. Dan tentu saja zine itu sebagai suatu proses terhadap budaya, sub budaya, budaya perlawanan, lingkungan yang memberikan terlalu sedikit ruang, serta juga sebagai sebuah bentuk media yang kritis.

Zine itu juga menciptakan irama, gaya dan rentak penulisan yang jujur dari penulis. Editor-editor ini juga yakin bahawa masih ada ruang untuk dia, kamu atau sesiapa sahaja untuk melepaskan segala pendapat, pandangan, kisah hidup atau pengalaman, atau apa sahaja di dalam bentuk penulisan. (yang sejelasnya, tidak cuba menjadi sama seperti mana-mana dogma yang, atau retorik yang menipu atau akta yang menekan).

Kalau nak ikut hati, nak je aku letak sejarah fanzine ni. Hari tu nizang ada pass kat aku artikel pasal fanzine ni. Tapi bila aku tanya balik, dia cakap nak masukkan artikel tu dalam zine dia yang baru. Menyesal pulak pergi tanya. Haha. Kalau tak silap nama zine tu 'scissor and glue' kot. Kalau nak tahu lebih lanjut pasal sejarah fanzine di malaysia, boleh lah kontek nizang dan beli terus zine tu.

Akhir sekali, terima kasih sebesar-besarnya kepada sesiapa yang masih percaya bahawa zine itu masih relevan, masih percaya bahawa masih wujud manusia yang punya masa untuk bersandar merehatkan diri, dan membaca. Setinggi-tinggi hormat, respek kepada penulis atau pembaca zine, yang masih utuh menjadikan zine sebagai bahan bacaan dan media komunikasi antara kita, mereka dan semua. Teruskan membaca sehingga akhir hayat. Penulisan-penulisan itu akan terus hidup, harum dan subur sampai bila-bila. Seperti tulisan Mumia Abu Jamal, "you cannot kill a book".

Setiap perlumbaan pasti ada penamat. Dan sekarang aku nk stop sini jelah. Harap-harap anda semua akan dapat sesuatu daripadanya. Banyak lagi kekurangan zine ni. Tapi aku try buat yang terbaiklah. Terbaik untuk diri aku sendiri dan terus kepada kawan-kawan semua. Sebelum terlupa, zine ni aku buat 2 cover. Satu cover warna hitam dan lagi satu warna kuning. Design zine warna hitam tu aku diinspirasikan oleh buku 'no logo'. Yang kuning tu nak bagi nampak ala-ala japanese sket. Haha. Saje je, boring sangat.

Last shout, thanks kepada sesiapa sahaja yang tolong aku buat zine ni sampai siap terutamanya kepada saudara Augustine dari Kasih Kolektif, Cimot dari seberang, Salleh yang sudi di interview, dan kepada sesiapa sahaja yang membaca! Punx sokmo.



PADDY REILLY – FIELDS OF ANTHERY

By a lonely prison wall
I heard a young girl calling
Micheal they are taking you away
For you stole Trevelyn's corn
So the young might see the morn.
Now a prison ship lies waiting in the bay.

Low lie the Fields of Athenry
Where once we watched the small free birds fly.
Our love was on the wing we had dreams and songs to sing
It's so lonely 'round the Fields of Athenry.

By a lonely prison wall
I heard a young man calling
Nothing matter Mary when your free,
Against the Famine and the Crown
I rebelled they ran me down
Now you must raise our child with dignity.

By a lonely harbor wall
She watched the last star falling
As that prison ship sailed out against the sky
Sure she'll wait and hope and pray
For her love in Botany Bay
It's so lonely 'round the Fields of Athenry.





Jangan kacaukan hal tersebut dengan "kemerdekaan" individual yang sempit—dalam kenyataannya tak ada seorang pun yang benar-benar merdeka dan mandiri sejak banyak hal dalam kehidupan kita saling terhubung dan tergantung dengan sesame kita (kita terbiasa bekerja dan menyebut diri kita mandiri, padahal kita tetap membutuhkan peran orang lain untuk membuat kita dapat hidup mandiri[6])—kedua hal tersebut hanyalah sebuah mitos individualis sempit yang membuat kita menolak mengakui perlunya keberadaan komunitas. Pemujaan yang berlebih terhadap istilah "mandiri" dalam masyarakat kompetitif menegaskan sebuah penyerangan terhadap siapa pun yang tak mau melakukan pengeksploitasian atas orang lain demi kepentingannya sendiri. Contoh jelasnya terdapat pada istilah otonomi dan mandiri seperti yang sering disebut-sebut oleh media massa dan pemerintah (seperti dalam kata "Otonomi Daerah"[7]). Otonomi yang kita tekankan adalah sebuah hubungan saling ketergantungan yang bebas di antara sesama kita yang berbagi konsensus, seperti pilihan dengan siapa kita bertindak secara bebas demi pembangunan swakelola atas seluruh aspek kehidupan, dll. Otonomi adalah sebuah antitesis dari birokrasi (sebuah hal yang jelas membuat kata "Otonomi Daerah" tampak sebagai sebuah lelucon). Agar otonomi dapat terwujud, segala aspek komunitas, dari teknologi hingga sejarah harus diorganisir ulang agar dapat diakses oleh siapa pun. Agar perjuangan ini menemui titik terang, semua orang harus menggunakan kesempatan akan akses tersebut. Grup-grup otonomis dapat dibentuk tanpa perlu sebuah agenda yang jelas, selama sesama anggotanya mendapat keuntungan dari partisipasi anggota lainnya. Beberapa grup dapat mengandung kontradiksinya sendiri, sebagaimana secara individu kita semua juga seperti itu, tetapi masih tetap dapat bekerja bersama-sama.

Momen-momen di mana kita semua harus diseragamkan di bawah satu bendera, satu model dan satu pola, sudah tak mampu lagi untuk menjawab kebutuhan kita akan kebebasan yang setara. Kita harus mencoba memasuki dunia baru. Grup-grup otonomis harus mengambil sikap yang jelas untuk melawan tekanan dari luar (maupun dari dalam) yang menyatakan bahwa tak ada hak bagi individu untuk menentukan hidupnya sendiri, atau mereka yang berusaha mengilfiltrasi otonomi dan konsensus dengan melakukan penghancuran struktur. Kekuasaan atas otonomi harus dilakukan dengan cara apa pun, termasuk penghancuran struktur status quo dan menggantikannya dengan struktur yang lebih demokratis secara radikal.

Sangat tidak cukup saat kita menghancurkan jalanan karena menganggap pembangunan jalan hanya menimbulkan lebih banyak lagi polusi. Kita harus mampu mencari cara seperti menyediakan ansportasi gratis, misalnya. Atau contoh lainnya, kita tak cukup sekedar mengkritik pola pendidikan di Indonesia tanpa mencoba membentuk sebuah sekolah dengan pola pendidikan yang berbeda. Tak perlu sekolah besar, cukup sekolah kecil non-formal yang menggunakan pola pengajaran yang progresif.

Aksi Langsung.....

Otonomi juga berarti aksi langsung, tidak menunggu proposal untuk disetujui oleh "jalur legal" yang selalu memakan waktu yang berkepanjangan dan dana yang mengalir terus menerus tanpa jelas ke mana akhirnya. Mari bangun jalur kita sendiri. Kalau kita ingin orang-orang yang kelaparan mendapatkan makanan, jangan berikan uangmu pada institusi legal yang biasanya membutuhkan biaya-biaya administrasi yang akhirnya uangmu akan habis untuk keperluan birokratis mereka—cari di mana sumber makanan murah dan cukup bergizi, kumpulkan, dan bagikan langsung pada mereka yang mengalami kelaparan. Kalau kamu membutuhkan makanan murah, jangan tunggu sampai ada orang kaya memberimu makanan ataupun mencari tanah kosong dan meminta ijin pada insitusi legal untuk menggunakan lahan tersebut—hal itu hanya akan memakan waktu bertahun-tahun dan jalur berbelit-belit yang malahan akan menghabiskan dana yang kamu miliki.

Cari lahan-lahan kosong, tanami dengan tanaman pangan yang mampu tumbuh di tempat tersebut. Langkah berikutnya adalah memelihara dan menjaganya agar dapat tumbuh subur. Akan lebih baik jika dapat melakukan pekerjaan-pekerjaan tersebut secara gotong-royong dengan lebih banyak orang. Kita akan mampu untuk memelihara dan menikmati hasilnya bersama-sama. Apabila ada tuan tanah berusaha meratakan lahan panganmu karena kamu dianggap menggunakan lahan kosongnya tanpa izin, pertahankanlah bersama-sama. Para tuan tanah tersebut terlihat benar hanya karena mereka memiliki uang yang jauh lebih banyak daripada dirimu dan hukum memang melindungi mereka, bukan kalian. Jangan tunggu sebuah ijin legal disahkan untukmu, jangan tunggu mereka yang memegang kekuasaan memberitahu padamu apa yang harus dilakukan dengan hidupmu. Lakukan sesuatu. Saat ini juga.

Para politisi telah mengembangkan karirnya dengan mengklaim bahwa mereka merepresentasikan orang lain seolah-olah kebebasan dan kekuatan politis dapat diselenggarakan oleh seorang wakil. Sejujurnya, para politisi yang sering disebut sebagai wakil rakyat, hanya orang-orang yang mewakili kepentingannya sendiri—dan kepentingan kelasnya yang berbeda dengan kita, masyarakat kebanyakan. Kepentingan para politisi yang mencari suara kita adalah mempertahankan sistem yang membeda-bedakan manusia ke dalam kelas-kelas sosial, sehingga mereka dapat menikmati hak istimewa yang hanya tersentral di sekitar mereka saja. Kepentingan kita adalah menghancurkan tersentralnya akses-akses atas hak-hak hidup dan pembagian manusia ke dalam kelas-kelas sosial, di samping memberdayakan dan memandirikan diri kita sendiri.

Pemilu adalah ekspresi dari ketidakberdayaan dan ketidakmandirian kita; sebuah ijin yang kita berikan yang menyatakan bahwa kita hanya dapat mengerti kemampuan masyarakat kita melalui orang lain yang nantinya akan mewakili kita. Saat kita membiarkan para politisi tersebut menyediakan pilihan bagi kita, maka hal tersebut tak ada bedanya dengan saat kita menyerahkan urusan teknologi pada para teknokrat, urusan kesehatan pada dokter, tata kota yang kita tinggali pada ahli planologi; kita akan berakhir dengan terus hidup di sebuah dunia yang asing bagi diri kita sendiri, yang walaupun tenaga kita yang menciptakannya, kita tetap tidak mengerti apa yang sedang kita lakukan selain hanya menunggu diberitahu oleh para pemimpin dan para spesialis tentang apa saja kemungkinan yang kita miliki. Faktanya adalah kita tak perlu memilih satu di antara beberapa kandidat Presiden, merk soft-drink, channel televisi, ataupun ideologi politik. Kita dapat membuat keputusan kita sendiri sebagai individu dan komunitas, kita dapat membuat makanan yang enak dengan tangan kita sendiri, membuat koalisi sendiri, media sendiri, hiburan sendiri: kita dapat menciptakan pendekatan individual kita sendiri pada hidup yang memberi kita semua keunikan masing-masing.

Konsensus

Secara radikal, demokrasi partisipatoris juga dikenal sebagai demokrasi konsensus, sesuatu yang di belahan dunia lain telah dikenal cukup akrab dan bahkan dipraktekkan dalam kehidupan sehari-hari, dari komunitas adat di Amerika Latin sampai pada sel-sel aksi politis posmodern (grup affiniti atau kelompok affinitas[4]) di berbagai negara Dunia Pertama ataupun pertanian organik yang dioperasikan secara kooperatif di Australia. Demokrasi konsensus juga telah berlangsung selama sekian waktu dalam komunitas Sedulur Sikep[5] sampai pada aksi gotong-royong para petani di Kulon Progo yang menolak penambangan pasir besi. Demokrasi konsensus adalah sebuah bentuk demokrasi langsung, yang sangat berbeda dengan demokrasi representatif: para partisipan selalu terlibat dalam pengambilan keputusan harian, melalui desentralisasi ilmu pengetahuan dan kekuasaan, sehingga pengambilan kontrol atas hidup sehari-hari menjadi sesuatu yang sangat mungkin. Berbeda dengan demokrasi yang mengandalkan aturan mayoritas, nilai-nilai yang dianut demokrasi konsensus membutuhkan keterlibatan setiap individu secara setara; apabila ada satu saja orang yang tidak setuju dengan sebuah keputusan yang diambil, maka adalah tugas semuanya untuk menemukan solusi baru yang dapat diterima oleh semua.

Demokrasi konsensus tidak menuntut agar seseorang menerima kekuatan orang lain atas hidupnya, walaupun hal ini juga bukan berarti bahwa tiap orang tidak membutuhkan orang lain; walaupun dalam soalan efisiensi, hal seperti ini amatlah lamban, tetapi dalam segi kebebasan dan itikad baik, hal tersebut akan mendapat poin yang sangat tinggi. Demokrasi konsensus tidak memaksa orang untuk mengikuti pemimpin ataupun standarisasi nilai, melainkan membiarkan orang lain untuk memiliki tujuannya dan cara pencapaiannya sendiri.

Otonomi

Agar demokrasi langsung dapat menjadi berarti, orang-orang harus memiliki kontrol atas hidup yang berkaitan dengan dirinya maupun sekelilingnya. Otonomi adalah ide di mana pilihan untuk menentukan apa yang terbaik bagi diri kita masing-masing ada di tangan kita, dan bukan orang lain—apalagi orang yang hanya kita kenal dari poster atau baliho yang dipasang menjelang Pemilu. Otonomi juga berarti bahwa tak ada seorang pun yang dapat menentukan pilihan tentang apa yang harus anda lakukan untuk mengisi waktu dan potensi yang anda miliki—ataupun menentukan bagaimana lingkungan sekitarmu harus dibentuk.





Oleh: Saudara Augustine

LAPORAN DARI KASEH KOLEKTIF



DIY Workshop 2008 – Take Yer' Collective Back
Date: 22nd November 2008
Venue: Hotel Central II, Keningau
Time: 1 p.m. till end

